

# Selamat Datang



**Helo Anak-anak sekalian,**

Sepanjang tempoh enam tahun yang lepas, kita menyaksikan badai doa terbesar yang pernah wujud yang muncul dari Afrika dan meledak dan membanjiri seluruh dunia. Hari Doa Sedunia tahun 2007 dengan warga Kristian berdoa di 200 negara merupakan persekutuan doa terbesar yang pernah planet bumi saksikan. Saya pasti rekod itu bakal pecah pada tahun 2008!

Jika anda berdoa pada 11<sup>th</sup> Mei 2008, sewaktu matahari terbit dan melewati setiap zon waktu di dunia, anda akan menyertai jutaan warga Kristian lain yang memberi gerak balas kepada Firman Tuhan dalam 2 Tawarikh 7:14 ...

**“..dan umat-Ku, yang atasnya nama-Ku disebut, merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah-Ku, lalu beralih dari jalan-jalannya yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga dan mengampuni dosa mereka serta memulihkan negara mereka.”**

Tuhan Maha Kuasa, Tuhan kita dan satu-satunya Tuhan Maha Esa dan Benar, Pencipta kita yang dahsyat, Bapa Syurgawi kita yang tercinta – **sedang menunggu** untuk kita berseru dan memohon kepada-Nya. Dia menanti kemunculan stu generasi yang bangun berdiri dan berseru “Aku di sini, TUHAN, pakai dan hantarlah aku!”

Mari kita sertakan suara kita untuk bergabung pada Hari Doa Sedunia – satu badan, satu gereja – ayuh kita memohon agar Tuhan membalikkan bangsa kita dan membalikkan dunia – kembali kepada Isa Al-Masih!

**Ayuh kita berdoa wahai anak-anak sekalian!**

Jaringan Doa Kanak-kanak Australia - [www.kidspray.org.au](http://www.kidspray.org.au)

Hari Doa Sedunia - [www.globaldayofprayer.com](http://www.globaldayofprayer.com)

Pada tahun 2000, ramai warga Kristian di Cape Town, Afrika Selatan terkesan seruan Tuhan agar mereka mengumpulkan orang untuk berdoa dan bertaubat bersama-sama. Hari tersebut menyaksikan pelbagai dewan dan stadium di seluruh Afrika Selatan dipenuhi oleh orang yang berdoa.

Tidak lama selepas itu, berganda dan tersebarlah seruan untuk berdoa itu ke seluruh Afrika sehinggakan jutaan warga Kristian berdoa setiap hari di setiap negara di Benua itu – kesemuanya bertemu untuk berdoa pada hari yang sama dalam tahun itu.

Seterusnya, seruan itu melepasi Afrika dan menulari seluruh dunia. Hasilnya, terjadilah Hari Doa Sedunia pada hari Ahad Pentakosta pada tahun 2005. Dianggarkan bahawa 200 juta insan dari seluruh dunia menyertai acara itu.

Gerakan itu semakin kuat dan berkembang. Baik di stadium besar-besar mahupun desa kecil-kecil dan rumah-rumah persendirian, warga Kristian terus bersatu dalam persekutuan doa demi mendoakan kemuliaan Isa Al-Masih dan untuk merahmati semua bangsa.

Hari Doa Sedunia 2008 akan diadakan pada hari Ahad Pentakosta, 11<sup>hb</sup> Mei. Adakah anda akan turut serta?

## **10 hari, kemudian 1 hari, seterusnya 90 hari!**

### **10 hari berdoa Terus Menerus 1<sup>hb</sup> – 10<sup>hb</sup> Mei 2008**

1<sup>hb</sup> Mei dipanggil "Hari Kenaikan" yang memperingati hari Isa Al-Masih dibawa naik ke syurga (Kisah Para Rasul 1:9-11). Seterusnya, para rasul-Nya berada selama 10 hari menunggu dalam sebuah bilik di tingkat atas menunggu sehingga Tuhan mengutus Roh Kudus-Nya kepada mereka dan itu yang kita panggil "Pentakosta". Kita diminta untuk berdoa selama 10 hari demi menyediakan diri untuk Hari Doa Sedunia.

### **Hari Doa Sedunia – 11<sup>hb</sup> Mei 2008**

Pada hari Ahad Pentakosta ini, warga Kristian dari seluruh dunia akan bersatu dalam persekutuan doa – di pelbagai stadium, dewan, gereja, desa/kampung, dan rumah. Siaran menerusi televisyen, radio dan Internet akan turut membantu menghubungkan insan dunia pada hari itu.

### **90 hari penuh rahmat 12<sup>hb</sup> Mei – 10<sup>hb</sup> Ogos 2008**

Sesudah hari Pentakosta, para rasul Isa Al-Masih mengalami transformasi lalu mereka keluar dilengkapi dengan kuasa Roh Kudus untuk mentransformasikan dunia. Dalam tempoh 90 hari menyusul hari Pentakosta ini, warga Kristian digalakkan untuk bersedia untuk dipakai oleh Tuhan demi memberkati dan mentransformasikan komuniti mereka masing-masing.

# 4 Hujah Baik Mengapa (perlu) Berdoa

## 1. **Tahun mahu anda bercakap dengan-Nya.**

Ya, bayangkan – jika anda langsung tak pernah bercakap dengan sahabat **terbaik** anda, persahabatan jenis apakah itu? Anda boleh bercakap dengan Tuhan tentang **segala apa saja**.

## 2. **Kita MESTI berdoa**

Jika kita maklum panduan berguna daripada nabi Samuel dalam Perjanjian Lama, yang bersabda bahawa jika dia **tidak** berdoa, dia membuat dosa kepada TUHAN, bererti bahawa satu hujah baik untuk berdoa ialah kita **wajib** berdoa (1 Samuel 12:23)

## 3. **Tuhan sedang MENUNGGU untuk kita berdoa**

Memang Tuhan Maha Kuasa namun Dia memilih untuk menggunakan doa kita demi mengubah sesuatu. Ini bererti yang Dia sering tidak bertindak kecuali kita meminta-Nya berbuat sedemikian. Dia **sedang menunggu** doa-doa kita.

## 4. **Kita PERLU berdoa**

Tak perlu menjadi genius untuk anda tahu yang dunia kini ada banyak masalah. Ramai sangat orang yang miskin, menderita, menghadapi maut, berbuat hal jahat-jahat, dll., dan mereka perlukan pertolongan daripada Tuhan. Kita **perlu** berdoa!

(Petikan daripada “Kids Pray!” Oleh Jane Mackie, dicetak dengan izin)

GENERASI YANG MENINGKAT DEWASA  
DAMAI DARIPADA AL-MASIH  
ROH KUDUS TAUBAT  
RAHMAT DARIPADA AL-MASIH  
PANGGILAN TUHAN DOA BERSEKUTU  
KEMULIAAN ISA AL-MASIH  
PENYEMBUHAN DARIPADA AL-MASIH  
KERAJAAN TUHAN

Terima kasih kerana menyahut seruan Tuhan untuk berdoa. Kami pasti yang Dia akan memberkati anda dalam anda memanfaatkan masa dengan-Nya. Dia amat sukacita apabila anak-anak-Nya berdoa dan meluangkan masa untuk mendengar suara-Nya. Jadi, teruskanlah! Ayuh mengubah dunia menerusi doa-doa anda! (Jangan lupa sediakan jurnal atau buku catatan agar dapat anda catat bagaimana perasaan anda atau apa yang Tuhan katakan kepadamu)

# Cara Menggunakan Panduan Doa Ini

## Sepuluh Hari Berdoa Terus Menerus (1<sup>hb</sup> – 10<sup>hb</sup> Mei)

### BERDOA BERSENDIRIAN

Anda boleh berdoa selama mana yang anda mahu setiap hari! Pada hemat kami, ada cukup maklumat untuk anda berdoa selama satu jam tetapi walau berdoa selama 10 minit sahaja pun, itu sudah merupakan bantuan yang hebat kepada Tuhan.

### BERDOA BERSAMA-SAMA ORANG LAIN

Jika anda dapat berdoa bersama-sama keluarga anda, gereja anda, atau rakan-rakan anda sepanjang tempoh 10 hari itu, saya pasti anda akan dapati itu amat berguna. Anda boleh rancang persekutuan khas anda atau berdoa dengan keluarga anda setiap hari, atau syorkan agar gereja anak-anak anda berdoa secara berjemaah.

### CARA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA INI

#### 1. Berdoa untuk gereja dan untuk dunia

Setiap satu daripada 10 hari berkenaan ada subjek berbeza dengan cadangan tentang cara berdoa. Ada Firman kunci daripada Kitab Kisah Para Rasul bagi setiap perkara itu. Baik juga jika anda membaca Firman ini dalam Al-Kitab anda sebelum berdoa.

#### 2. Berdoa untuk Kanak-kanak yang menghadapi Risiko

Setiap hari juga dilengkapi dengan cara berlainan bagi berdoa untuk kanak-kanak yang menghadapi risiko di dunia kita ini. Jika anda ada akses ke Internet, anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai mana-mana topik ini [www.viva.org](http://www.viva.org) (The Viva Network yakni Rangkaian Viva)

#### 3. Aktiviti Doa

Kami juga memuatkan aktiviti doa untuk kumpulan, malah biarpun anda bersendirian dan anda ada lebih masa. Kami berharap anda akan seronok bertindak kreatif dalam hal berdoa ini!

#### 4. Doa Peribadi

Ada satu seksyen untuk membantu anda memanfaatkan masa dalam berdoa secara peribadi setiap hari dengan menggunakan Firman dalam 2 Tawarikh 7:14-16. Baik juga jika anda berusaha menghafal ayat 2 Tawarikh 7:14 agar anda hafal akannya setelah tamat 10 itu. Ayat itu boleh anda dapatkan pada halaman 2.

“Para rasul meninggalkan sidang Mahkamah Agama dengan gembira, kerana mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Isa.” -Kisah Para Rasul 5:41

### Kasih sayang Tuhan mentransformasikan dunia.

Halaman 5

- Berdoa agar hati kita disemarakkan oleh cinta dan kesetiaan terhadap Isa Al-Masih
- Berdoa agar Kerajaan Tuhan datang dan kehendak-Nya jadi di bumi seperti di syurga
- Berdoa agar meledak kasih sayang Tuhan yang mentransformasikan seluruh dunia
- Berdoa agar warga Kristian diutus ke kota-kota raya di mana kasih sayang Tuhan teramat diperlukan.
- Berdoa untuk warga Kristian yang bekerja di tempat-tempat sukar

### Berdoa untuk kanak-kanak yang berada dalam penjara:

Penjara sering dalam keadaan penuh sesak dan makanannya tak elok,serta tiada peluang untuk bersenam atau untuk belajar. Ramai kanak-kanak terperjara atas kes kecil-kecil seperti mengemis atau tidur di jalan-jalan. Doakan penambahbaikan keadaan di dalam penjara, dan agar kanak-kanak dilindungi. Doakan agar berkurang bilangan kanak-kanak yang dipenjarakan.

### Aktiviti Kumpulan yang Disyorkan:

Buat dua kumpulan, sekumpulan berdiri dalam bulatan menghadap ke dalam bulatan yang mewakili kanak-kanak yang terperjara, dan kumpulan kedua pula memandang keluar dengan berpegangan tangan, yakni mewakili palang-palang penjara. Gunakan sedikit waktu membayangkan bagaimana keadaan di dalam penjara, kemudian berdoa

‘... dan umat-Ku ...

(2 Tawarikh 7:14)

**Fikirkan peri penting menjadi anak-anak Tuhan dan menjadi ahli keluarga-Nya di seluruh dunia, dan ingatkan harga yang Dia bayar demi anda iaitu dengan kematian Al-Masih di kayu salib. Bersyukur atas apa yang Dia lakukan untukmu, dan minta agar Dia tunjukkan cara anda berkhidmat untuk-Nya dengan kehidupanmu – sekarang juga, bukan hanya setelah anda lebih baik.**

‘...yang atasnya nama-Ku disebut...’ — 2 Tawarikh 7:14

**Fikirkan apa ertinya menjadi warga Kristian? Adakah anda saksi yang baik untuk Al-Masih? Minta agar Tuhan tunjukkan jika anda perlu mengakui apa-apa yang telah anda buat yang tidak memuliakan nama-Nya, dan mohon keampunan-Nya. Minta agar Dia menolongmu untuk membawa kemuliaan kepada-Nya dalam segala yang anda buat.**

## DOA BERSEKUTU

HARI 2

Jumaat 2 Mei

### Semoga doa bersekutu akan membanjiri dunia ini

- Berdoa agar berlaku peningkatan dalam kegiatan berdoa di gereja
- Berdoa untuk para jiran dan rakan anda
- Berdoa agar kalangan yang miskin dan yang memerlukan berbalik kepada Tuhan dan berteriak meminta pertolongan-Nya
- Berdoa agar Tuhan memberi respons terhadap teriakan mereka

### Berdoa untuk Buruh Kanak-kanak:

Berdoalah untuk 118 juta kanak-kanak di seluruh dunia yang terpaksa bekerja, terutamanya yang menghadapi risiko di pelbagai kilang dan lombong. Berdoa terhadap layanan tidak adil dan keadaan kerja tak selamat. Doakan agar mereka diberi peluang bersekolah.

### Aktiviti Kumpulan yang Disyorkan:

Buatkan rantaian kertas daripada cebisan kertas yang direkatkan. Berdiri dalam bulatan dan ikat rantaian itu pada pergelangan tangan setiap orang yang saling terikat. Doakan untuk kanak-kanak yang terpaksa bekerja. Selesai berdoa, angkat tangan untuk memutuskan rantaian kertas serta bersyukur kepada Tuhan atas kebebasan yang Tuhan kurniai.

*“Mereka semua bertekun dengan berdoa bersama-sama...” Kisah Para Rasul 1:14*

'merendahkan diri...'  
— 2 Tawarikh 7:14

**Minta Roh Kudus**  
tunjukkan jika anda telah ingkar – sama ada kepada ibu bapa, ketua, guru, dll. Juga, sama ada anda telah menyakitkan sesiapa atau disakiti perasaan anda oleh sesiapa (rasa tak senang terhadap orang lain adalah dosa dalam hatimu). Minta agar Tuhan ampunkan, dan jika boleh, pergi kepada orang yang disakiti oleh atau yang menyakiti anda, dan minta maaf. Bersyukur kepada Tuhan melalui Al-Masih kerana semua dosa anda telah diampuni.

### Semoga Tuhan mencurahkan Roh Kudus-Nya atas semua orang

- Berdoa agar Tuhan mencurahkan Roh-Nya di seluruh dunia
- Berdoa agar Roh Tuhan akan memenuhi umat-Nya dengan kuasa
- Berdoa agar Roh Kudus akan membawa keluar orang daripada kegelapan ke dalam ruang cahaya Isa Al-Masih
- Berdoa agar semua bangsa akan mendengar suara Tuhan dan melihat Dia menjalankan kerja-Nya

### Berdoa untuk Para Askar Kanak-kanak:

Berdoa untuk 300,000 kanak-kanak yang terlibat dalam peperangan di seluruh dunia. Ramai yang disakiti secara fizikal dan emosinya turut dirosakkan. Doakan agar mereka mendapat perlindungan, kebebasan dan sokongan sedang mereka menemui penyembuhan untuk membuat permulaan yang baru.

### Aktiviti yang Disyorkan:

Ambil sekeping kertas. Lukis gambar kanak-kanak di kiri dan gambar senapang di sebelah kanan kertas. Sebagai lambang bagi isi doa anda, koyakkan kertas di tengah-tengahnya dari atas ke bawah. Renyukkan bahagian yang ada gambar senapang dan buangkannya. Simpan gambar kanak-kanak itu di tangan dan doakan agar Tuhan melindungi dan memulihkan askar kanak-kanak.

*“Akan terjadi pada hari-hari terakhir,’ Tuhan berfirman, ‘Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia...” — Kisah Para Rasul 2:17*

.... berdoa.... — 2  
Tawarikh 7:14

**Hebat sekali keperluan dalam dunia kita kini. Manfaatkan masa ini untuk mendoakan orang lain. Ambil masa untuk mendengar suara Tuhan dan menantikan Roh Kudus membimbing anda berdoa. Tanyalah Dia anda harus berdoa untuk siapa dan untuk ana.**

*“Kerana itu sedarlah dan bertaubatlah, supaya dosamu dihapuskan.”  
— Kisah Para Rasul 3:19*

### Berpaling meninggalkan dosa dan jalani hidup baru dalam Isa Al-Masih

**Taubat berlaku apabila Tuhan tunjukkan kepada anda sesuatu kesalahan yang anda lakukan dan anda memohon ampun, dan anda tahu dalam hatimu yang anda tidak boleh melakukannya lagi**

- Berdoa agar kita mengiktiraf dosa-dosa kita dan memohon keampunan Tuhan
- Berdoa agar warga Kristian disegarkan oleh pengetahuan bahawa dosa-dosa mereka sudah terhapus
- Berdoa agar komuniti kita akan nampak kesegaran pembaharuan itu dan tertarik kepada Isa Al-Masih
- Berdoa agar jutaan insan akan berpaling meninggalkan dosa-dosa mereka dan menjadi bahagia kerana mengikuti-Nya.

### Berdoa untuk Kanak-Kanak yang “Dijual”:

Ramai kanak-kanak dipaksa atau ditipu untuk meninggalkan rumah dan pergi bekerja di negara-negara asing, terutamanya di Asia. Mereka dilayan dengan buruk dan terpaksa bekerja di tempat-tempat berbahaya. Doakan agar mereka menemui kebebasan dan pulang ke rumah dan tanah air sendiri. Doakan agar para pemerintah/kerajaan mamberantas gejala ini.

### Aktiviti Kumpulan yang Disyorkan:

Berdoa secara berkumpulan, tetapi pastikan seorang berdiri di sisi yang bertentangan iaitu melambangkan kanak-kanak yang dijual, dan dia jauh dari rumahnya. Sewaktu setiap seorang ahli kumpulan berdoa, anak yang “dijual” itu boleh bergerak setapak menghampiri kumpulan, sehinggalah dia “balik ke rumah” bersama-sama semua orang lain.

### Semoga semua perhubungan akan pulih seperti sedia kala

- Berdoa agar roboh segala benteng penghalang hubungan antara gereja
- Berdoa agar kalangan gereja belajar untuk saling mengasihi dan membantu
- Berdoa agar orang baik di dalam atau di luar gereja akan melihat betapa dahsyatnya Tuhan
- Berdoa agar umat Tuhan bermurah hati dan tidak kedekut wang ringgit mereka
- Berdoa agar Tuhan menghentikan semua peperangan dan melindungi kita daripada kejahatan dan terorisme
- Berdoa untuk kalangan miskin
- Berdoa agar Tuhan memulihkan semua perhubungan di dalam rumah dan dalam masyarakat

### Berdoa untuk Kanak-Kanak yang Berpenyakit:

Setiap hari, 27,000 kanak-kanak mati akibat kebuluran atau penyakit yang boleh dicegah dengan mudah. Doakan agar kanak-kanak di seluruh dunia terlindung melalui pemaksinan, air minuman yang selamat dan makanan berkhasiat. Doakan agar kelambu disediakan di mana penyakit malaria sering berjangkit.

### Aktiviti yang Disyorkan:

Letak di atas meja segelas air kotor yang berlumpur di sisi segelas yang mengandungi air bersih. Doakan agar Tuhan melindungi kanak-kanak daripada penyakit berbahaya, baik yang tersebar melalui air atau cara lain. Selesai berdoa, buang air yang kotor itu.

*"Dan semua orang percaya ... Mereka memecahkan roti di rumah masing-masing secara bergilir dan makan bersama-sama dengan gembira dan dengan tulus hati memuji Tuhan. dan mereka disukai semua orang..."*

—Kisah Para Rasul 2:43-47

*... dan mencari wajah-Ku... — 2 Tawarikh 7:14*  
**Ambil masa untuk duduk-duduk (atau berbaring) di hadirat Tuhan. Seperti yang di-firman, hampir-Nya dan Dia akan bawa anda mendekati-Nya. Lalu anda bercakaplah dengan Al-Masih seolah-olah anda menatap wajah-Nya.**

*... lalu berbalik dari jalan-jalannya yang jahat... — 2 Tawarikh 7:14*

**Ambil masa untuk meminta Tuhan menunjukkan kepada anda jika ada apa-apa dalam kehidupanmu yang tidak disukai-Nya, misalnya mencuri, berbohong, mencuri, menipu, melihat yang tak patut dilihat, dll. Tunggu dan dengar. Kemudian minta keampunan-Nya atas apa yang Roh Kudus tunjukkan kepada anda dan minta Dia mengubah anda.**

### Kehendak dan tujuan Tuhan bagi keluarga dan kanak-kanak

- Berdoa agar keluarga anda dan orang lain dikuatkan oleh Al-Masih
- Berdoa untuk mereka yang tiada keluarga, seperti anak yatim piatu, para janda dan kalangan yang tiada tempat tinggal.
- Berdoa agar lebih ramai kanak-kanak dan orang muda mendedikasikan diri mereka kepada Isa Al-Masih
- Berdoa agar lebih ramai kanak-kanak tahu yang mereka boleh menyembah dan melayani-Nya sekarang
- Berdoa agar Tuhan akan memperkasakan anda untuk memenuhi janji-janji-Nya

### Berdoa untuk Kanak-Kanak dalam Keluarga yang Berpecah-belah:

Kini sudah amat biasa menemui keluarga yang terpecah-belah dan kanak-kanak tinggal bersama salah seorang sahaja daripada ibu bapa. Perubahan ini membuat mereka ini sering berasa kecewa, tersingkir, keliru, marah atau tidak yakin kepada diri sendiri. Doakan agar kanak-kanak dalam keadaan sebegini tahu bahawa Tuhan mengasihi mereka sepenuhnya dan Tuhan tidak berubah. Doakan agar hubungan kekeluargaan diperkuat dan perpecahan keluarga berkurangan.

### Aktiviti yang Disyorkan:

Lukis gambar keluarga anda atau lukis salasilah keluarga anda. Doakan untuk setiap orang yang di dalam gambar itu dan doakan agar Tuhan mengeratkan lagi hubungan antara anggota keluarga. Berdoalah untuk kanak-kanak yang anda tahu menghadapi keadaan keluarga yang sukar dan bermasalah.

*"Sebab bagi kamulah janji itu dan bagi anak-anakmu..." — Kisah Para Rasul 2:39*

“...dan bagi orang yang masih jauh, iaitu sebanyak yang akan dipanggil oleh Tuhan kita.” — *Kisah Para Rasul 2:39*

“...maka Aku akan mendengar dari syurga dan mengampuni dosa mereka...”

— 2 Tawarikh 7:14

**Ambil masa untuk “meneliti” perkara-perkara yang anda akui kelmarin. Kemudian renungi lebih mendalam akan semua perhubungan anda, spt. keluarga, mereka yang di sekolah, di gereja, lain-lain aktiviti, dll. Minta TUHAN tunjukkan mana-mana ikatan anda yang terputus, dan minta Dia memulihkannya.**

### Semoga bangsa-bangsa mendengar suara Tuhan

- Berdoa agar Firman Tuhan tersebar ke seluruh dunia
- Berdoa agar Al-Kitab diterjemahkan ke dalam semua bahasa
- Berdoa agar Tuhan membawa ramai orang kepada Isa Al-Masih untuk diselamatkan
- Berdoa agar terasas gereja-gereja di tempat-tempat di mana nama Isa Al-Masih belum pernah didengar

### Berdoa untuk Kanak-Kanak yang tiada Pendidikan:

Kira-kira 115 juta kanak-kanak di dunia yang patut ke sekolah rendah tidak bersekolah sedangkan pendidikan di sekolah amat penting dalam zaman kanak-kanak. Pelbagai kemahiran yang kita pelajari semasa kita muda membantu kehidupan seharian dan dalam pekerjaan kita apabila kita dewasa. Doakan semoga biar di mana pun kanak-kanak tinggal, mereka dapat bersekolah dan kanak-kanak perempuan sama-sama berpeluang mendapat pendidikan seperti yang lelaki juga.

### Aktiviti Kumpulan yang Disyorkan:

Ambil beberapa alat persekolahan lazim seperti buku, pen, pensel, kayu pembaris, dll – dan edarkan ke sekeliling kumpulan sambil mendoakan agar semua kanak-kanak mendapat peluang menerima pendidikan.

.. serta memulihkan negeri mereka...

-- 2 Tawarikh 7:14

**Berdoalah dengan rasa teruja dan penuh berharap yang Tuhan pasti membawa perubahan kepada komuniti dan negara anda. Bersyukur kepada-Nya atas harapan yang kita akan melihat transformasi hebat di seluruh dunia.**

“..dengan gembira, kerana mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Isa. — *Kisah Para Rasul 5:41*

### Demi keberanian dan kesetiaan umat-Nya

- Berdoa untuk orang yang menderita sebab mereka bekerja dem Isa Al-Masih
- Berdoa agar Tuhan membantu kita memberi respons kepada musuh kita dengan kasih sayang Isa Al-Masih
- Berdoa agar para pemimpin dan kerajaan kita memiliki hikmat kearifan Tuhan
- Berdoa agar para pemimpin yang menentang Al-Masih akan berpaling dan bersedia menerima bimbingan Tuhan

### Berdoa untuk Kanak-Kanak Kurang Upaya:

Kanak-kanak yang kurang upaya menghadapi pelbagai kesukaran seperti bergerak ke sana sini atau berkomunikasi dengan orang lain. Mereka kadangkala mendapati orang bersikap negatif terhadap mereka. Berdoa agar kanak-kanak kurang upaya mendapat sokongan yang mereka perlukan di rumah dan di sekolah. Berdoa agar mereka sedar betapa berharganya mereka kepada Tuhan dan semoga mereka mengetahui apakah kehendak dan tujuan Tuhan atas mereka.

### Aktiviti yang Disyorkan:

Buatkan mahkota daripada kertas dan hiaskan menggunakan krayon, kertas warna, pembalut gula-gula yang berkilau atau apa saja yang ada. Pakai mahkota itu dan ingat bahawa anda anak kepada Raja segala raja! Doakan semoga kanak-kanak kurang upaya mengetahui bahawa mereka juga berharga lagi amat cantik di mata Tuhan.

**Semoga Al-Masih membawa penyembuhan**

Halaman 9

... Sekarang mata-Ku terbuka dan telinga-Ku menaruh perhatian...

— 2 Tawarikh 7:15

Ambil masa untuk berada di hadirat Tuhan. Minta Dia bercakap kepadamu menerusi apa yang anda lihat dan dengar – latih diri anda menggunakan mata dan telinga rohaniah anda, misalnya, asap di luar mungkin menyatakan tentang api Tuhan, dan deru angin menyuarkan kuasa Roh-Nya.

- Berdoa agar kita dapat melihat Al-Masih melakukan mukjizat penyembuhan-Nya pada hari ini
- Berdoa agar berlaku tanda-tanda dan pelbagai keajaiban di bumi ini
- Berdoa agar terhapus pelbagai penyakit, terutamanya HIV/AIDS
- Berdoa agar kalangan miskin dan yang memerlukan diberikan penjagaan kesihatan asasi

**Berdoa untuk kanak-kanak yang terjejas oleh HIV/AIDS:**

Hampir di setiap ceruk dunia, ada kanak-kanak yang terjejas oleh HIV/AIDS, dan yang teruk sekali terjejas ialah kawasan Sub-Sahara Afrika. 15 juta kanak-kanak kehilangan ibu atau bapa akibat wabak itu. Doakan agar Tuhan memberi mereka kelegaan dan rezeki, dan doakan agar mereka ditanggung dan disokong oleh keluarga dan komuniti mereka.

**Aktiviti yang Disyorkan:**

Gunting bentuk hati daripada kertas, dan gunting/belah di tengah-tengahnya menandakan hati kecewa kanak-kanak yang hilang orang tersayang mereka. Sambil berdoa, rekatkan semula 'hati' itu untuk menunjukkan yang Tuhan menyembuhkan hati yang sudah patah.

*"Hulurkanlah tangan-Mu untuk menyembuhkan orang, dan adakanlah tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat oleh nama Isa, Hamba-Mu yang kudus."* — Kisah Para Rasul 4:30

## RAHMAT DARIPADA AL-MASIH

HARI 10 Sabtu 10 Mei

... Sekarang telah Ku pilih dan Ku kuskan rumah ini, supaya nama-Ku tinggal di situ untuk selamanya, maka mata-Ku dan hati-Ku akan ada di situ sepanjang masa.

— 2 Tawarikh 7:16

**Jemput Roh Kudus untuk datang memenuhi anda, keluarga dan para rakan anda. Beritahu TUHAN yang anda mahu dia datang menginap dalam dirimu. Minta agar anda dipenuhi oleh kasih sayang-Nya agar anda boleh mengasihi orang lain demi Dia.**

**Demi rahmat yang dijanjikan-Nya atas semua bangsa**

- Berdoa agar Isa Al-Masih mentransformasikan komuniti dan negara anda
- Berdoa agar kita dapat bekerja bersama-sama secara bersepadu demi melihat perubahan kepada kehidupan orang lain
- Berdoa agar wujud kejujuran dalam kerajaan dan amalan perniagaan
- Berdoa agar sukacita kerana TUHAN memenuhi semesta alam.

**Berdoa untuk Anak-Anak Jalanan:**

Banyak sebab yang membuat kanak-kanak menjadi anak jalanan – mungkin mereka ditinggalkan oleh ibu bapa mereka, menjadi yatim piatu, atau melarikan diri daripada orang yang mendera mereka di rumah. Doakan agar anak-anak jalanan terlindung daripada keganasan, pemakanan tak seimbang, penyakit dan dadah. Berdoa semoga mereka menemui tempat tinggal yang selamat dan penuh kasih sayang, hasil usaha pihak gereja dan organisasi lain.

**Aktiviti yang Disyorkan:**

Lukis sebuah rumah di atas sekeping kertas besar, atau gunakan kapur atas tanah di luar. Gunting bentuk kanak-kanak daripada kertas. Sambil anda mendoakan anak-anak jalanan, letakkan bentuk kanak-kanak itu di dalam gambar rumah dan minta Tuhan memberikan mereka tempat tinggal.

Dia berfirman kepada Ibrahim 'Oleh keturunanmu semua bangsa di muka bumi akan diberkati.' – Kisah Para Rasul 3.25

*Anda sudah berdoa selama 10 hari, jadi adakah anda bersedia untuk menyertai persekutuan doa terbesar yang pernah diadakan di planet bumi ini?*

## Berdoa bersama-sama gereja anda

Rancang untuk menumpukan bahagian-bahagian kebaktian hari Ahad Pentakosta anda untuk berdoa. Kandungan kreatif mungkin termasuk:

- Mengumumkan hakikat bahawa jutaan insan di seantero dunia sedang berhimpun dalam persekutuan doa demi kemuliaan Al-Masih dan transformasi bagi semua bangsa.
- Seluruh jemaah membacakan dengan lantang "Doa bagi Dunia".
- Berkongsi laporan tentang cara orang berdoa sepanjang tempoh sepuluh hari terakhir ini.
- Rancang bagaimana kegiatan doa anda akan diteruskan sepanjang 90 hari penuh rahmat yang menyusul hari Pentakosta.

## Tonton/Dengar/Layari/Baca siarannya

Akan ada pelbagai siaran secara langsung persekutuan doa dari pelbagai ceruk rantau dunia yang melaporkan kemajuan dan perkembangan harian. Siaran tersedia melalui:

- Capaian turun satelit
- Televisyen kabel
- Radio
- Internet

Layari ke [www.globaldayofprayer.com](http://www.globaldayofprayer.com) untuk memperoleh maklumat tentang waktu dan media berkenaan bagi kawasan anda.

## Kumpulkan Segala Suku Kaum

Pada petang dan malam hari Pentakosta di seantero dunia, warga Kristian daripada pelbagai aliran yang berlainan merancang untuk berkumpul di pelbagai sekolah, universiti, auditorium awam dan dataran terbuka. Kita akan berkumpul demi menyampaikan sembah puji syukur kita serta mendoakan penyembuhan dan rahmat bagi bangsa-bangsa kita. Kita berhimpun dengan tidak dibatasi oleh tembok bangunan gereja-gereja kita supaya kuasa Tuhan akan ternyata kepada khalayak umum.

- Berikan bantuan terhadap usaha mengaturkan perkumpulan di bandar raya anda atau,
- Jemput warga Kristian ke rumah anda.
- Daftar perkumpulan anda

## Doa untuk Dunia

Doa-doa berikut disediakan oleh para pemimpin doa yang berlainan. Ia sudah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa dan banyak antaranya terdapat di [www.globaldayofprayer.com](http://www.globaldayofprayer.com). Doa-doa ini akan dibaca secara serentak dan senada di setiap perhimpunan Hari Doa Sedunia. Ketika anda membacanya, anda merupakan sebahagian daripada 500 juta warga dan ucapan "Amin" kesemuanya pasti menggegarkan langit dan alam syurga.

# Doa untuk Dunia

*“Berserulah mereka bersama-sama kepada Tuhan...”–Kisah Para Rasul 4:24*

Halaman 11

## **Doa untuk Dunia 11 Mei 2008**

### **Tuhan Maha Kuasa – Bapa, Anak dan Roh Kudus,**

Bersama-sama orang percaya di seluruh dunia,  
Kami berkumpul hari ini untuk memuliakan nama-Mu.  
Engkaulah Pencipta langit dan bumi.  
Tidak ada yang seperti Engkau, kudus dan benar dalam semua jalan-Mu.  
Kami tunduk patuh kepada kekuasaan-Mu sebagai Raja atas semesta alam ini.  
Kami berdoa dengan satu suara untuk menobatkan Engkau di hati kami  
dan menghormati Engkau di hadapan dunia.

*Jemaah: **TUHAN, hanya Engkau yang layak menerima segala  
pujian dan persembahan kami.***

### **Bapa Kami di syurga,**

Terima kasih karena Engkau mengasihi dunia ini dengan sebegini hebat.  
Sehingga Engkau memberikan satu-satunya Anak-Mu, Isa Al-Masih,  
untuk mati di kayu salib bagi dosa-dosa kami  
sehingga dapat kami didamaikan kepada Engkau.  
Kami amat bersyukur untuk memanggil Engkau Bapa  
dan disebut sebagai anak-anak-Mu.  
Tidak ada yang dapat memisahkan kami daripada kasih-Mu.

*Jemaah: **Terima kasih Bapa kerana mengangkat kami ke dalam  
keluarga-Mu disebabkan Isa Al-Masih, Penyelamat kami.***

### **TUHAN Isa Al-Masih,**

Hanya Engkaulah yang layak membuka lembaran sejarah,  
kerana Engkau telah dibunuh dan dengan darah-Mu telah menebus kepada Bapa.  
Kami mengaku bahawa Engkaulah Kepala Gereja  
dan TUHAN atas semua langit dan bumi.  
Semoga orang dari setiap suku dan bahasa menjadi pengikut-Mu  
agar berkat-Mu membawa transformasi di kalangan semua orang dunia  
sehingga kerajaan-kerajaan akan memerintah dengan kebenaran dan keadilan.  
Dan semoga Nama-Mu besar, dari terbit matahari sampai terbenamnya.

*Jemaah: **Isa Al-Masih, Engkaulah Penyelamat dunia dan Tuhan atas semua.***

**Bapa yang penuh ihsan dan kasih kurnia,**

Kami mengaku bahawa kami telah berdosa  
dan bahawa dunia kami di dalam cengkaman kuasa dosa.

Hati kami berduka lantaran ketidakadilan, kebencian, dan keganasan.

Kami diaibkan oleh penindasan, perkauman dan pertumpahan darah di bumi kami.

Kami menangi semua nyawa yang hilang akibat pembunuhan, peperangan dan terorisme.

Rumah-rumah kami binasa dan gereja-gereja kami terpecah-belah akibat pemberontakan dan keangkuhan.

Hidup kami tercemar oleh keserakahan, penyembahan berhala dan dosa seksual.

Kami telah mendukakan hati-Mu dan mengaibkan Nama-Mu.

Kami mohon belas kasihan-Mu dan pertolongan-Mu agar kami benar-benar bertaubat dengan sepenuh jiwa raga kami.

*Jemaah:* **Tuhan yang penuh belas ihsan, ampunilah dosa-dosa kami.  
Curahkanlah kasih kurnia-Mu dan pulihkan negara kami..**

**Roh Tuhan yang Hidup,**

Tanpa Engkau, kami tidak dapat melakukan apa pun.

Ubahkan Gereja-Mu menjadi gambaran Isa Al-Masih.

Curahkan kuasa-Mu demi memberi penyembuhan mereka yang sakit,  
pembebasan mereka yang teraniaya dan kelegaan bagi mereka yang berdukacita.

Curahkan kasih-Mu ke dalam hati kami dan penuhi kami dengan belas kasihan  
untuk menjawab seruan mereka yang tiada tempat tinggal,  
dan yang kelaparan dan untuk merangkul para anak yatim, janda dan warga tua  
dalam tangan-Mu.

Beri kami kearifan dan penglihatan bagi mengatasi pelbagai masalah rumit yang  
kami hadapi kini.

Tolong kami untuk memanfaatkan segala sumber bumi ini untuk kebaikan semua.

*Jemaah:* **Roh Kudus, kami perlukan bimbingan-Mu dan keselesaan -Mu.  
Datang dan ubahlah hati kami.**

**TUHAN Isa Al-Masih,**

Kerana Engkau telah mati, tetapi kini telah bangkit,  
dan kerana Bapa telah memberikan Engkau Nama yang mengatasi segala nama,  
Engkau akan tumpaskan semua kuasa kejahatan.

Semoga runtuh segala benteng dan ideologi yang menghalang dan menolak  
pengetahuan mengenai Tuhan.

Singkirkan kegelapan yang menyelubungi manusia.  
Kekanglah kejahatan yang menggalakkan keganasan dan kematian.  
Bawalah pembebasan daripada tekanan jahat.  
Hancurkan cengkaman perhambaan, kezaliman dan penyakit.  
Penuhi kami dengan keberanian untuk menyampaikan Firman-Mu  
tanpa rasa takut,  
dan berikan kami roh syafaat untuk setia berdoa bagi mereka yang sesat.

*Jemaah:*           **Tuhan Maha Kuasa, bebaskan kami daripada kejahatan.**

**Raja Kemuliaan,**

Datang dan sempurnakanlah kerja-Mu di bandar-bandar kami, warga kami dan bangsa kami.  
Kami mengangkat suara kami senada dengan semua orang percaya dari Afrika dan Asia, dari Timur Tengah dan Eropah, dari Amerika Utara dan Selatan, dan dari Australia serta Kepulauan Pasifik— bersama-sama kami berseru:

*Jemaah:*           **Angkatlah kepalamu, Wahai pintu-pintu gerbang!  
Terangkatlah pintu-pintu yang tersedia berabad-abad lamanya  
agar Raja Kemuliaan boleh masuk!**

Seiringan dengan pertambahan jasa baik-Mu ke seluruh dunia, dan ketika berkelimpahan rahmat-Mu kepada kesemua bangsa mereka akan mendapatkan Engkau lantas bertanya, "Siapakah Raja Kemuliaan?"

Bersama-sama kami akan menjawab:

*Jemaah:*           **Dialah Tuhan Maha Kuasa!  
Diberkatilah Dia yang datang dalam nama TUHAN!**

Datanglah memenuhi bumi ini dengan Kemuliaan-Mu sebagaimana air melitupi dasar laut.

Roh dan Pengantin wanita berkata:

*Jemaah:*           **Amin! Datanglah TUHAN Isa Al-Masih!**

# Sembilan puluh Hari Penuh Rahmat

# 10 1 90

## Menjadi jawapan bagi doa anda sendiri ...

Ini beberapa buah fikiran tentang bagaimana anda boleh memberikan kaki dan tangan kepada doa anda dalam komuniti anda sendiri. Tentunya Tuhan amat sukacita jika anda teruskan berdoa dan menelaah Al-Kitab secara tetap! Bayangkan hasilnya jika 500 juta insan dunia memberikan satu jam seminggu demi berkhidmat biar apa pun caranya, kepada komuniti masing-masing – pasti hebat impaknya kepada dunia!

1. Dapatkan maklumat mengenai apa yang dilakukan oleh gereja setempat anda, atau gereja-gereja lain, organisasi misi atau para pemimpin perniagaan, dan dapatkan cara untuk menolong mereka
2. Dapatkan maklumat sama ada terdapat pelayanan tempatan yang membantu kanak-kanak. Bolehkah anda, Sekolah Hari Ahad anda atau kumpulan belai anda membantu mengumpulkan dana untuk membantu mereka dalam waktu 90 hari ini?
3. Adakah masalah penjualan kanak-kanak berlaku dan menjejaskan negara anda? Adakah kanak-kanak terdedah kepada bahaya ini atau adakah di bawa ke negara anda untuk dipaksa bekerja? Kenapa tidak cuba menulis kepada pihak kerajaan anda meminta mereka melihat dengan serius akan isu ini dan melindungi kanak-kanak daripada anasir-anasir yang terlibat dalam penjualan kanak-kanak ini.
4. Jika ada rumah kanak-kanak atau pusat bantuan yang berdekatan, mungkin anda boleh aturkan lawatan berkumpulan ke sana, atau bertemu dengan para ketua sidang serta dapatkan syor bagaimana anda boleh mendoakan organisasi bantuan kanak-kanak itu. Atau anda boleh mendoakan saja mereka biar apa pun caranya dalam tempoh 90 hari itu.
5. Bantuan anda mungkin dengan memberitahu orang lain tentang isu-isu melibatkan kanak-kanak yang menghadapi risiko – ramai yang langsung tak tahu-menahu apa yang berlaku. Anda boleh membuat poster untuk gereja atau sekolah anda. Anda boleh lukiskan atau cari gambar kanak-kanak yang menjadi askar, buruh dan banduan dll dan masukkan sedikit maklumat. Dapatkan maklumat lanjut di dalam ensiklopedia atau jika anda ada Internet, layari ke [www.unicef.org](http://www.unicef.org)

**Anda juga boleh menyertai Doa Hujung Minggu Dunia bagi Kanak-Kanak yang menghadapi Risiko pada 7<sup>hb</sup> dan 8<sup>hb</sup> Jun 2008, tatkala jutaan warga Kristian akan mendoakan kanak-kanak di seluruh dunia. Dapatkan maklumat lanjut dengan melayari [www.viva.org](http://www.viva.org)**

*Hari Doa Sedunia dirancang*

*Setiap tahun pada hari Pentakosta sehingga tahun 2010:*

*31 Mei, 2009*

*23 Mei, 2010*

